

29 MAR 2001

MAHATHIR-DAGANGAN

BERWASPADA RUNDINGKAN URUSAN PERDAGANGAN GLOBAL, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para pegawai Malaysia hendaklah berwaspada dalam merundingkan urusan perdagangan global yang adil kepada kedua-dua produk tempatan dan pesaing-pesaingnya.

Beliau berkata mereka tidak harus hanya berwaspada apabila memperolehi perjanjian perdagangan dengan negara-negara maju tetapi juga dengan ekonomi-ekonomi sedang membangun memandangkan pasaran-pasaran Dunia Ketiga adalah juga penting kepada eksport tempatan seperti minyak sawit.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Teknologi MSC-Lucent Bell Labs di sini hari ini.

Dr Mahathir menergaskan, kekurangan janji niaga yang adil mungkin mempunyai implikasi yang mahal ke atas Malaysia, seperti apabila negara-negara pengimport diberikan kelonggaran untuk mengenakan tarif-tarif import yang tinggi di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menjejaskan eksport tempatan.

Katanya bahawa ini adalah apa yang berlaku apabila India, pengimport utama minyak sawit Malaysia, dapat mengenakan duti-duti import yang tinggi ke atas minyak sawit kerana ia dibenarkan di bawah peraturan-praturan WTO.

Beliau menyebut bagaimana duti import ke atas minyak kacang soya ke India cuma sebanyak 45 peratus tetapi negara boleh memohon duti sehingga setinggi 300 peratus di bawah WTO.

Menurut peniaga-peniaga, duti import bagi minyak sawit mentah (MSM) ke India kini kira-kira 75 peratus dan duti minyak olein sawit sebanyak 85 peratus.

"Perbezaan ini (antara duti bagi minyak soya dan minyak sawit) adalah akibat tidak bersikap berwaspada di dalam perundingan WTO. Jika kita tidak mengkaji perkara-perkara dengan berhati-hati, kita mungkin mengikat diri kita sendiri kepada sesuatu yang akan menjejaska kita kelak," katanya.

Dr Mahathir nerungut bahawa terlalu banyak tumpuan diletakkan ke atas perdagangan dengan negara-negara maju sehingga ke tahap lupa terdapat juga potensi perdagangan yang lebih beasr dengan pasaran-pasaran sedang membangun.

"Kita mengkaji perdagangan dengan negara-negara maju tetapi kita lupa bahawa kita mempunyai jumlah perdagangan yang besar dengan negara-negara sedang membangun," katanya.

"Apabila menumpukan kepada negara-negara maju, kita terlepas negara-negara sedang membangun yang boleh juga mengenakan tarif-tarif tinggi," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

SHO MR KTC OS